

“Aisyah isteri Nabi s.a.w. (juga) telah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya, sebelum bayang dinding rumah (beliau) kelihatan.”⁸⁶⁷

بَابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى مُبَيِّنِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾

84- Bab Firman Allah Ta`ala: “Hendaklah Kamu (Wahai Muhammad Dan Pengikut-Pengikutmu) Sentiasa Rujuk Kembali Kepada Allah (Dengan Mengerjakan Amal-Amal Bakti) Serta Bertaqwalah Kamu KepadaNya; Dan Kerjakanlah Sembahyang Dengan Betul Sempurna; Dan Janganlah Kamu Menjadi Dari Mana-Mana Golongan Orang Musyrik”. (Ar-Ruum:31).⁸⁶⁸

mengimami Rasulullah s.a.w. bersembahyang lima waktu selama sehari sahaja. Tidak pula tersebut di dalamnya waktu Jibril bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w., sama ada di awal atau di akhirnya. (13) Hadits yang dikemukakan oleh seseorang pengarang hadits kadang-kadang dalam bentuknya yang ringkas. Dalam keadaan ini perlu sekali diketahui hadits berkenaan yang lengkap untuk melihat dalilnya.

⁸⁶⁷ Tujuan `Urwah mengemukakan hadits `Aaisyah ini juga adalah untuk membuktikan kelebihan bersembahyang `Ashar di awal waktunya. Alasannya ialah Rasulullah s.a.w. sendiri bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya dan bayang dinding rumahnya belum lagi kelihatan. Terjemahan ini adalah berdasarkan riwayat Bukhari sendiri. Lihatlah haditsnya bersama-sama dengan isnad dan terjemahannya ini: حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الْعَصْرَ وَالشَّمْسُ فِي حُجْرَتِهَا لَمْ يَخْرُجْ مِنْ حُجْرَتِهَا بِمَعْنَى: “Bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya. Pada ketika itu bayang (dinding) rumahnya belum lagi kelihatan.” (Hadits riwayat Bukhari di bawah ketika itu bayang (dinding) rumahnya belum lagi kelihatan.” (Hadits riwayat Bukhari di bawah (باب وقت العصر). **Athraaf hadis ini terletak** di dalam Sahih Bukhari pada empat tempat lain selain di sini, iaitu tiga daripadanya terletak di bawah **باب وقت العصر** dan satu lagi di bawah **باب مَا جَاءَ فِي بَيِّنَاتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.

⁸⁶⁸ Tajuk bab ini terdiri daripada ayat al-Qur`an semata-mata. Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud beliau mengadakan tajuk bab ini. (1) Hafiz Ibnu Rajab al-Hambali dan Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi r.a. berpendapat, bagi Bukhari ayat daripada Surah ar-Ruum ini adalah ayat yang paling terang menunjukkan kelebihan sembahyang dan waktu-waktunya. Ini kerana mafhumnya bererti orang-orang yang tidak mendirikan sembahyang termasuk dalam golongan musyrikin atau perbuatannya itu adalah perbuatan orang-orang musyrikin. Termasuk dalam mafhum mendirikan sembahyang ialah memelihara waktu sembahyang atau mengerjakannya dalam waktunya. Kerana itulah terdapat sekian banyak hadits yang menyebutkan tentang kelebihan menjaga waktu-waktu sembahyang dan mengerjakannya dalam waktu-waktunya. Sebagai contohnya lihat saja dua hadits berikut ini: (a) Rasulullah s.a.w.

bersabda: *خَمْسُ صَلَوَاتٍ افْتَرَضَهُنَّ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ أَحْسَنَ وَضُوءٍ هُنَّ وَصَلَاتُهُنَّ لَوْ قُتِيْنَ وَأَتَمَّ رُكُوعُهُنَّ وَخُشُوعُهُنَّ كَانَ لَهُ عَلَى* Bermaksud: Lima sembahyang difardhukan oleh Allah s.w.t. Sesiapa yang memperelokkan wudhu' untuk sembahyang-sembahyang itu dan mengerjakannya pada waktu-waktunya serta menyempurnakan ruku' dan khushu'nya, Allah berjanji akan mengampuninya. Orang yang tidak melakukan begitu, tidak ada jaminan Allah untuknya. (Keadaannya terpulang kepada Allah) Boleh jadi dia akan diampuni Allah. Boleh jadi juga dia akan disiksa Allah. (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, Baihaqi, at-Thabaraani, adh-Dhiyaa' al-Maqdisi dan Muhammad bin Nashr al-Marwazi daripada 'Ubaadah bin ash-Shaamit). (b) Nabi s.a.w. bersabda: *مَنْ خَافَ عَلَى الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ رُكُوعَهُنَّ وَسُجُودَهُنَّ وَوُضُوءَهُنَّ* Bermaksud: Sesiapa menjaga sembahyang yang lima, ruku'nya, sujudnya, wudhu'nya dan waktu-waktunya. Dia pula yakin bahawa semua itu benar daripada Allah, niscaya masuk syurgalah dia atau kata Baginda s.a.w., pastilah dia mendapat syurga. (Hadits riwayat Ahmad, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imannya. Al-Haitsami mengatakan perawi-perawinya adalah perawi-perawi hadits sahih). Kerana itulah juga Ibnu Mas'ud dan lain-lain sahabat mentafsirkan firman Allah berikut: *وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ* Bermaksud: dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyangnya. (al-Mu'mnun:9), dengan kata mereka "memelihara waktu-waktu sembahyangnya". Menurut Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-Aini, perkaitan ayat daripada Surah ar-Ruum yang dibentangkan oleh Bukhari dengan hadits yang dikemukakan beliau di bawah bab ini ialah ayat itu mengaitkan penafian syirik dengan mendirikan sembahyang. Hadits di bawahnya pula mengaitkan pengitsbatan tauhid dengan mendirikan sembahyang juga. Kesesuaian di antara kedua ayat dan hadits itu adalah ditinjau daripada sudut perlawanan dan pertentangan kandungan keduanya. (2) Pada pendapat as-Sindi, hadits di bawah bab ini menerangkan ma'na al-Qur'an yang dikemukakan oleh al-Bukhari di dalam tajuk bab di atasnya. Kalau ayat di atasnya mengandungi mafhum meninggalkan sembahyang adalah termasuk dalam perbuatan orang-orang musyrikin, dan itulah yang dimaksudkan oleh Allah dengan firmanNya: *وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ* (dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrikin) iaitu dengan meninggalkan sembahyang seperti mereka, maka hadits di bawah bab ini pula mengira sembahyang sebagai sebahagian atau satu juzu' daripada juzu'-juzu' iman. (3) Menurut Syeikh Zakariya r.a., menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari sebenarnya mahu mengisyaratkan kepada beberapa hadits yang menyatakan kufur dan syiriknya orang yang tidak bersembahyang atau meninggalkan sembahyang. Hadits-hadits itu antara lainnya ialah: (a) Rasulullah s.a.w. bersabda: *إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرَكَ الصَّلَاةَ* Bermaksud: Sesungguhnya perkara yang membawa seseorang kepada syirik dan kufur adalah meninggalkan sembahyang. (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi). (b) Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: *الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ* Bermaksud: Perkara yang membezakan kita daripada mereka ialah sembahyang. Sesiapa yang meninggalkannya, sesungguhnya dia telah menjadi kafir. (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Abi Syaibah, Ibnu Majah, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, al-Haakim, al-Baihaqi, adh-Dhiyaa' al-Maqdisi dan lain-lain daripada Buraidah r.a.). Adapun ayat yang dikemukakannya di dalam tajuk bab, maka ia merupakan asas bagi hadits-hadits yang diisyratkannya itu. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Mafhum ayat ini merupakan salah satu dalil bagi orang-orang yang menghukum kafir terhadap orang yang meninggalkan sembahyang." (4) Kata Ibnu Batthaal: "Di dalam ayat di atas Allah menggandingkan larangan menyengutukannya dengan mendirikan sembahyang untuk menyatakan peri pentingnya sembahyang itu sebagai tonggak paling utama agama Islam selepas tauhid. Sembahyang juga merupakan jalan yang paling hampir untuk menghubungi Allah." Sebagai melengkapkan keterangan Ibnu Batthaal itu penulis ingin menokok sedikit tambahan di sini, iaitu kesesuaian di antara ayat yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab dengan hadits yang dikemukakan beliau di bawahnya terletak pada sembahyang juga disebutkan

٤٩٢ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّادٍ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَدِمَ وَفَدُ عَبْدُ الْقَيْسِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا إِنَّا مِنْ هَذَا الْحَيِّ مِنْ رِبْعَةٍ وَلَسْنَا نَصِلُ إِلَيْكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ فَمَرْنَا بِشَيْءٍ نَأْخُذُهُ عَنْكَ وَنَدْعُو إِلَيْهِ مَنْ وَرَاءَنَا فَقَالَ أَمَرَكُمْ بِأَرْبَعٍ وَأَنْتَ هَاكُمُ عَنْ أَرْبَعِ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ ثُمَّ فَسَّرَهَا لَهُمْ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَأَنْ تُؤَدُّوا إِلَيَّ خُمُسَ مَا غَنِمْتُمْ وَأَنْتَهَى عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالْمُقَيَّرِ وَالتَّقْيِيرِ

492- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abbaad iaitu Ibnu 'Abbaad (bin al-Habib bin al-Muhallab bin Abi Shufrah al-Bashri m.180H) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Jamrah (Nashr bin 'Imraan al-Bashri m.128H) daripada Ibni 'Abbaas, katanya: "Rombongan (qabilah) 'Abdil Qais datang menemui Rasulullah s.a.w.,⁸⁶⁹ lalu mereka berkata: "Sesungguhnya kami ini dari suku kaum

bergandingan dengan syahadah di dalamnya. Ini secara tidak langsung menunjukkan kelebihan sembahyang lima waktu. Meninggalkan sembahyang lima waktulah yang dikatakan Nabi s.a.w. sebagai perkara yang membawa seseorang kepada syirik dan kufur. Meninggalkannyalah yang menyebabkan seseorang itu dikatakan menjadi kafir oleh Rasulullah s.a.w. (5) Bagi Syah Waliyyullah, sebahagian besar daripada bab-bab yang diadakan Bukhari di bawah كتاب مواقيت الصلاة adalah untuk menyatakan kelebihan dan keutamaan sembahyang. Cara dan gaya persembahyannya jua berbeda. Pada hakikatnya kelebihan sembahyanglah yang hendak ditonjolkan. Kebenaran pendapat Syah Waliyyullah ini dapat anda saksikan bermula daripada bab pertama di bawah كتاب مواقيت الصلاة hinggalah kepada bab ke 90 iaitu باب الْمُصَلِّي يَتَأَجَّى رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ dan seterusnya beberapa bab yang lain di celah-celah bab-bab selepas itu.

⁸⁶⁹ Pada tahun ke berapakah qabilah ini mengunjungi Rasulullah s.a.w.? Ada beberapa pendapat para 'ulama' dan tokoh-okoh sejarah mengenainya. (1) Al-Waaqidi, Ibnu Sa'ad, Ibnu Syahin dan Qadhi 'Iyaadh berpendapat, rombongan ini mengunjungi Nabi s.a.w. pada tahun ke 8H, sebelum Baginda berangkat untuk menguasai Mekah. (2) Muhammad bin Ishaq, Ibnu Hisyam dan Ibnu al-Qaiyyim berpendapat pada tahun ke 9H. Ibnu Katsir juga menyebutkan demikian, tetapi selepas itu beliau menyatakan keraguannya. (3) Ibnu Hibbaan, pengarang Tarikh al-Khamis dan Ibnu al-Atsir berpendapat pada tahun ke 10H. (4) Hafiz Ibnu Hajar dan Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri berpendapat rombongan 'Abdil Qais telah mengunjungi Rasulullah s.a.w. sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, kunjungan pertama mereka berlaku pada tahun ke 5H atau sebelum itu lagi. Kunjungan kedua mereka pula berlaku pada tahun ke 9H, iaitu pada tahun kunjungan rombongan-rombongan banyak berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. (عام الوفود). Anwar Syah al-Kashmiri pula berpendapat kunjungan pertama qabilah 'Abdil Qais berlaku pada tahun ke 6H. Sementara kunjungan kedua mereka pula telah berlaku pada tahun pembukaan Mekah iaitu tahun ke 8H. Oleh kerana di dalam hadits di atas tersebut kata-kata mereka bahawa "Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram" atau tersebut dengan lebih jelas lagi kata-kata mereka di dalam hadits rombongan 'Abdil Qais di bawah باب أداء الخمس من الإيمان bahawa "Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram, kerana dihalang oleh orang-orang kafir Mudhar", maka tokoh-tokoh seperti Al-Waaqidi, Ibnu Sa'ad, Ibnu Syahin dan Qadhi 'Iyaadh mengatakan kunjungan mereka telah berlaku sebelum pembukaan Mekah. Sebabnya ialah kalau selepas pembukaan Mekah, tiada lagi pihak yang menghalang mereka untuk pergi ke Madinah. Apa yang berlaku selepas itu ialah manusia berbondong-bondong memeluk agama Islam. Rombongan-rombongan yang

mengunjungi Baginda s.a.w. pada ketika itu pula bertalu-talu datang. Golongan yang mengatakan kunjungan mereka itu berlaku pada tahun ke 9H pula menganggap tahun itu adalah tahun kunjungan rombongan-rombongan yang banyak sekali berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. sehingga ia dikenali dengan عام الوفود. Rombongan 'Abdil Qais termasuk salah satu daripadanya. Orang-orang yang mengatakan rombongan 'Abdil Qais mengunjungi Baginda s.a.w. pada tahun ke 10H pula menjadikan peristiwa kedatangan Jaarud bin al-Mu'alla pada tahun itu bersama rombongannya sebagai dalil mereka. Jaarud adalah salah seorang daripada qabilah 'Abdil Qais yang mengunjungi Rasulullah s.a.w. pada tahun ke 10H. Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ishaabahnya menulis: (Jaarud telah datang bersama-sama rombongan 'Abdil Qais yang terakhir pada tahun ke 10H). Apa yang menimbulkan kemusykilan ialah kenapakah Rasulullah s.a.w. tidak memerintahkan mereka supaya mengerjakan haji juga di samping ibadat-ibadat lain yang disebut Baginda di dalam hadits di atas? Padahal ibadat haji telah pun difardhukan pada tahun ke 6H. Sekiranya rombongan qabilah 'Abdil Qais benar-benar telah mengunjungi Rasulullah s.a.w. pada tahun ke 8H, 9H atau ke 10H, sudah tentu Baginda s.a.w. memerintahkan juga mereka supaya mengerjakan haji?? Itulah sebabnya Hafiz Ibnu Hajar mengatakan qabilah ini telah mengunjungi Nabi s.a.w. sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Pertamanya pada tahun ke 5H, sebelum ibadat haji difardhukan. Dan keduanya ialah pada tahun ke 9H iaitu عام الوفود atau tahun di mana Rasulullah s.a.w. dikunjungi oleh rombongan-rombongan daripada pelbagai qabilah. Berdasarkan apa yang ditulis beliau di dalam al-Ishaabah tadi dapatlah dikatakan rombongan qabilah 'Abdil Qais telah mengunjungi Nabi s.a.w. sebanyak tiga kali sekurang-kurangnya. Hadits di bawah bab ini menceritakan kisah kunjungan qabilah 'Abdil Qais buat kali pertama. Hakikat ini jugalah agaknya yang dijadikan asas oleh Maulana Anwar Syah al-Kashmiri untuk pendapatnya. Ibadat haji memanglah difardhukan pada tahun ke 6H, tetapi kunjungan pertama mereka telah berlaku sebelum ia difardhukan. Kunjungan kedua mereka pula bagi beliau telah berlaku pada tahun ke 8H sebelum Baginda s.a.w. berangkat ke Mekah untuk mena'lukinya. Antara dalil yang menunjukkan qabilah 'Abdil Qais telah beberapa kali mengunjungi Nabi s.a.w. ialah beberapa riwayat berikut: (1) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَرْزُوقٍ حَدَّثَنَا رَوْحُ بْنُ عُبَادَةَ حَدَّثَنَا الْحَجَّاجُ بْنُ حَسَّانَ التَّمِيمِيُّ حَدَّثَنَا الْمُثَنَّى الْعَبْدِيُّ أَبُو مَنَازِلٍ أَخَذَ بَنِي غَنَمِ الْأَشْجِ عَنْ الْعَصْرِيِّ أَنَّهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَفَقَةٍ مِنْ عَبْدِ الْقَيْسِ لِيَزُورَ فَأَقْبَلُوا فَلَمَّا قَدِمُوا رَفَعَ لَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنَاحُوا رُكَابَهُمْ وَابْتَدَرَهُ الْقَوْمُ وَلَمْ يَلْبِسُوا إِلَّا ثِيَابَ سَفَرِهِمْ وَقَامَ الْعَصْرِيُّ فَعَقَلَ رُكَابَ أَصْحَابِهِ وَبَعِيرَهُ ثُمَّ أَخْرَجَ ثِيَابَهُ مِنْ عَيْنَيْهِ وَذَلِكَ بَعَيْنُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ أَقْبَلَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ فِيكَ لَخُلَّتَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ قَالَ مَا هُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْأَنَاءُ وَالْجِلْمُ قَالَ شَيْءٌ جَبِلْتُ عَلَيْهِ أَوْ شَيْءٌ أَتَخَلَّفُهُ قَالَ لَا بَلْ جَبِلْتُ عَلَيْهِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ قَالَ مَعْشَرُ عَبْدِ الْقَيْسِ مَا لِي أَرَى وَجُوهَكُمْ قَدْ تَغَيَّرَتْ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ نَحْنُ نَحْنُ بِأَرْضٍ وَخِمَةٍ وَكُنَّا نَتَّخِذُ مِنْ هَذِهِ الْأَبْنَةِ مَا يَقْطَعُ الْخِمَانُ فِي بَطُونِنَا فَلَمَّا نَهَيْتَنَا عَنْ الظُّرُوفِ فَذَلِكَ الَّذِي تَرَى فِي وَجُوهِنَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الظُّرُوفَ لَا تُحِلُّ وَلَا تُحَرِّمُ وَلَكِنْ كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ وَلَيْسَ أَنْ تَخْلِسُوا فَتَشْرَبُوا حَتَّى إِذَا امْتَلَأَتْ الْعُرُوقُ تَفَاحَرْتُمْ فَوَشَبَ الرَّجُلُ عَلَى ابْنِ عَمِّهِ بِمَضْرِبَةٍ فَضَرَبَتْهُ بِالسَّنِيفِ فَتَرَكَهُ أَغْرَجَ قَالَ وَهُوَ يَوْمِئِذٍ فِي الْقَوْمِ الْأَغْرَجِ الَّذِي أَصَابَهُ ذَلِكَ Bermaksud: Al-'Ashri (al-Munzir bin 'Aa'iz al-'Ashri al-'Abdi r.a.) meriwayatkan bahawa dia bersama sekumpulan rakan-rakannya dari kalangan 'Abdil Qais telah pergi menziarahi Nabi s.a.w. Setelah sampai, Nabi s.a.w. menunjukkan kepada mereka tempat untuk perhentian kenderaan. Sebaik sahaja menderumkan unta-unta, mereka dengan segera meluru ke arah Nabi s.a.w. dengan pakaian yang sedia dipakai mereka semasa dalam perjalanan. Al-'Ashri sahaja terus berdiri dengan tenang. Setelah selesai mengikat unta-unta rakan-rakannya dan untanya sendiri, beliau mengeluarkan pakaian (baharu yang bersih) dari begnya. Semua perbuatannya dilihat Rasulullah s.a.w. Apabila selesai mengemaskan diri, barulah dia tampil ke hadapan Nabi s.a.w. dengan memberi salam. Kemudiannya Nabi s.a.w. berkata kepadanya: "Sesungguhnya ada padamu dua sifat yang disukai Allah dan RasulNya." Beliau bertanya: "Apa dua sifat itu wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sifat sabar dan sopan." Tanya al-'Ashri: "Adakah itu sifat asalnya atau sifat yang baru dibuat-buat oleh saya?" Kata Nabi s.a.w.: "Tidak, ia bahkan sifat asalnya." Al-'Ashri menyambut dengan mengucapkan الحمد لله. Seterusnya Rasulullah s.a.w. bertanya: "Wahai kalangan 'Abdil Qais! Kenapa aku nampak muka-muka kamu telah berubah?" Jawab mereka: "Wahai Nabi Allah,

kami hidup di bumi (negeri) yang tidak selesa didiami kerana buruk cuacanya. Selama ini kami meminum arak yang dapat bertindak menghilangkan lemak perut-perut kami. Setelah engkau melarang kami menggunakan bekas-bekas arak (dan meminum arak), (kami tidak lagi meminumnya) maka itulah punca perubahan yang engkau nampak di wajah-wajah kami ini. (Selepas mendengar penjelasan mereka) Nabi s.a.w. lantas bersabda: “Bukan bekas yang menyebabkan halal dan haram. Sebenarnya setiap yang memabukkan adalah haram. Arak diharamkan supaya kamu tidak duduk meminumnya, lalu apabila mabuk, masing-masing daripada kamu mendabik dada. Akhirnya seseorang menerkam sepupunya dan menetaknya dengan pedang, mengakibatkan dia menjadi tempang. Kata perawi (al-'Ashri): “Pada hari itu kebetualannya ada salah seorang dari kalangan mereka memang telah menjadi tempang kerana pergaduhan akibat meminum arak. (Hadits riwayat Abu Ya'la dan Ibnu Hibbaan). Di dalam hadits ini Rasulullah s.a.w. telah mengatakan: “Wahai kalangan 'Abdil Qais! Kenapa aku nampak muka-muka kamu telah berubah?” Kata-kata Baginda s.a.w. ini jelas menunjukkan sebelum itu Rasulullah s.a.w. telah pun melihat mereka. Daripada soal jawab di dalam hadits ini juga dapat difahami bahawa sekurang-kurangnya golongan 'Abdil Qais itu telah mengunjungi Nabi s.a.w. sebanyak dua kali. (2) Imam Ahmad meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ وَسَمِعْتُهُ أَنَا مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ بْنِ شَيْبَةَ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ يَحْيَى بْنِ الْحَارِثِ التَّيْمِيِّ عَنْ يَحْيَى بْنِ غَسَّانِ التَّيْمِيِّ عَنْ ابْنِ الرَّسَيْمِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ قَالَ وَقَفْنَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَهَانَا عَنْ الظُّرُوفِ قَالَ ثُمَّ قِيمْنَا عَلَيْهِ فَقُلْنَا إِنَّ أَرْضَنَا أَرْضٌ وَخِمَةٌ قَالَ فَقَالَ اشْرَبُوا فِيمَا شِئْتُمْ مِنْ شَاءِ أَوْكَا بِمَعْنَى: Ibnu ar-Rasim meriwayatkan daripada ayahnya, kata ayahnya: “Kami mengunjungi Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. melarang kami daripada menggunakan bekas-bekas arak (yang tertentu). Katanya: “Kemudian kami mengunjungi pula Baginda s.a.w. Pada kali ini kami berkata: “Sesungguhnya bumi (negeri) kami bercuaca buruk. Kata perawi, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Minumlah dalam apa pun yang kamu sukai. Orang yang hendak mengikat mulut bekas araknya (menyimpan arak di dalam bekas tertentu), boleh saja ia melakukannya, tetapi dengan menanggung dosa. (Selain Ahmad hadits ini diriwayatkan juga oleh at-Thabaraani. Di dalamnya terdapat perawi dha'if bernama Yahya bin 'Abdillah bin al-Haarits at-Taimi). (3) Imam Ahmad juga meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا حَسَنُ بْنُ مُوسَى قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُسْلِمٍ أَبُو زَيْدٍ عَنْ يَحْيَى بْنِ عَبْدِ اللَّهِ التَّيْمِيِّ عَنْ يَحْيَى بْنِ غَسَّانِ التَّيْمِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كَانَ أَبِي فِي الْوَفْدِ الَّذِينَ وَقَفُوا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَبْدِ قَيْسٍ فَتَهَانَهُمْ عَنْ هَذِهِ الْأَوْعِيَةِ قَالَ فَاتَّخَمْنَا ثُمَّ اتَّيْنَاهُ الْعَامَ الْمُقْبِلَ قَالَ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ نَهَيْتَنَا عَنْ هَذِهِ الْأَوْعِيَةِ فَاتَّخَمْنَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْتَبِذُوا فِيمَا بَدَا لَكُمْ وَلَا تَشْرَبُوا مُسْكِرًا فَمِنْ شَاءِ أَوْكَا بِمَعْنَى: Yahya bin Ghassaan at-Taimi meriwayatkan daripada ayahnya, katanya: “Ayahku termasuk salah seorang daripada rombongan (qabilah) 'Abdil Qais yang telah mengunjungi Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. melarang mereka daripada menggunakan bekas-bekas (arak) ini. Kata beliau: “Maka kami mengalami penyakit salah cerna. Kemudian kami mengunjungi Baginda s.a.w. pada tahun berikutnya.” Kata perawi: “ pada ketika itu kami berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau telah melarang kami daripada bekas-bekas ini. Kerananya kami mengalami penyakit salah cerna.” Rasulullah s.a.w. bersabda: “Buatlah nabiz (air rendaman buah-buahan kering seperti tamar, zabib dan lain-lain) dalam bekas mana pun yang kamu suka. Tetapi jangan meminum yang memabukkan. Orang yang hendak mengikat mulut bekas araknya (menyimpan arak di dalam bekas tertentu), boleh saja ia melakukannya, tetapi dengan menanggung dosa. (Selain Ahmad hadits ini diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi Syaibah, at-Thabaraani, Ibnu Sa'ad dan lain-lain. Tetapi sanadnya dha'if. Di dalamnya juga terdapat perawi dha'if yang sama iaitu Yahya bin 'Abdillah bin al-Haarits at-Taimi. Walaupun Imam Ahmad mengatakan dia tsiqah, tetapi kebanyakan kebanyakan 'ulama' Rijaal mengatakan dia dha'if). Qabilah 'Abdil Qais adalah antara qabilah yang terawal memeluk agama Islam. Negeri tempat tinggal mereka ialah Bahrain dan kawasan-kawasan pesisiran 'Iraq. Juwaatsa adalah nama sebuah bandar di negeri mereka. Selepas di Madinah, di Juwaatsalah mula-mula sekali sembahyang Juma'at didirikan. Hadits Bukhari sendiri di bawah باب وفد عبد القيس في الجمعة في المَدِينِ وَالْمَدِينِ jelas menyaksikannya. Ibnu 'Abbaas berkata: إِنَّ أَوَّلَ جُمُعَةٍ جُمِعَتْ بَعْدَ جُمُعَةٍ فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَسْجِدِ عَبْدِ الْقَيْسِ بِحَوَاشِي مِنَ الْبَحْرَيْنِ

Rabi'ah.⁸⁷⁰ Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram.⁸⁷¹ Oleh itu perintahlah kami dengan sesuatu yang boleh kami pelajari daripadamu dan boleh kami menyeru kepadanya orang-orang yang di belakang kami.⁸⁷² Maka baginda bersabda: Aku perintahkan kamu melakukan empat perkara dan melarang kamu daripada empat perkara: (Pertama) Beriman kepada Allah. Kemudian nabi s.a.w. menafsirkannya kepada mereka, iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah. (Kedua) Mendirikan sembahyang. (Ketiga) Menunaikan zakat dan (keempat) memberikan satu perlima daripada harta ghanimah yang kamu perolehi kepadaku (pihak pemerintah / kerajaan).⁸⁷³ Aku melarang (kamu) daripada ad-dubba' (bekas yang diperbuat daripada kulit labu yang dikeringkan), al-hantam (tempayan hijau untuk membuat arak), al-muqayyar (bekas yang dilumur minyak hitam seperti minyak tar

Bermaksud: Sesungguhnya sembahyang Juma'at yang mula-mula sekali didirikan selepas sembahyang Juma'at di masjid Rasulullah s.a.w. ialah di masjid 'Abdil Qais di Juwaatsa, Bahrain.

⁸⁷⁰ Rabi'ah sebenarnya adalah cucu kepada Ma'add bin 'Adnaan. 'Abdil Qais pula adalah cucu-cicit Rabi'ah. Susur galur 'Abdil Qais adalah seperti berikut: 'Abd al-Qais bin Afsha bin Du'mi bin Jadilah bin Asad bin Rabi'ah bin Nizaar bin Ma'add bin 'Adnaan. Nizaar mempunyai empat orang anak lelaki. (1) Mudhar bin Nizaar. (2) Rabi'ah bin Nizaar. (3) Iyaad bin Nizaar. (4) Anmaar bin Nizaar.

⁸⁷¹ الشهر الحرام (Bulan haram) yang disebut mereka di sini boleh jadi ال padanya dipakai dengan erti jenis. Boleh jadi juga ia dipakai dengan erti العهد. Kalau ال padanya dipakai dengan erti jenis, maka termasuk dalamnya keempat-empat bulan haram yang ma'lum iaitu Zul Qa'dah, Zul Hijjah, Muharram dan Rajab. Ada riwayat menyokong ia dipakai dengan erti ini. Antaranya ialah riwayat yang dikemukakan oleh Bukhari sendiri menerusi saluran Qurrah di dalam Kitab al-Maghaazi di bawah وفد عبد القيساب. Di dalamnya tersebut (إلا في أشهر الحرم). Demikian juga menerusi saluran riwayat Hammaad bin Zaid di dalam Kitab al-Manaaqib. Lafaznya ialah (إلا في كل شهر حرام). Kalau ال padanya dipakai dengan erti العهد pula, maka ia bererti bulan haram yang khusus. Bulan haram yang khusus itu adalah bulan Rajab. Riwayat yang menyokongnya juga ada. Umpamanya lafaz riwayat al-Baihaqi ini: وَإِنَّا لَا نَصِلُ إِلَيْكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ أَوْ قَالَ فِي رَجَب. Sebabnya mereka berasa bebas dan aman pada bulan Rajab ialah kerana orang-orang kafir Mudhar lebih menghormatinya berbanding bulan-bulan haram yang lain. Kerana itulah ada hadits yang mengaitkan Rajab dengan Mudhar, seperti sabda Nabi s.a.w. ini: وَرَجَبٌ مُضَرٌّ الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ (dan Rajab Mudhar yang terletak di antara Jumada dan Sya'baan). Kedua-dua erti itu betul dan boleh dipakai.

⁸⁷² من وراءنا (orang-orang yang di belakang kami) juga boleh dipakai dengan dua ma'na. pertamanya ialah yang tidak datang bersama kami pada kali ini. Keduanya ialah generasi muda kami ata anak cucu kami yang akan datang.

⁸⁷³ Sebabnya perintah ini diberikan secara khusus oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka ialah kerana mereka lebih terdedah dengan peperangan menentang orang-orang kafir Mudhar nanti. Jikalau mereka beroleh kemenangan, mungkin sekali akan berlaku penyelewengan terhadap harta rampasan perang, lantaran mereka tidak mempunyai panduan tentangnya.

untuk membuat arak) dan an-naqir (pangkal pokok kurma yang ditebuk untuk membuat arak).»⁸⁷⁴

بَابُ السَّيِّعَةِ عَلَى إِقَامِ الصَّلَاةِ

85- Bab Berbai`ah Untuk Mendirikan Sembahyang.⁸⁷⁵

٤٩٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنَا قَيْسٌ عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ بَايَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى إِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالنُّصْحِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

493- Muhammad bin al-Mutsanna meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya: Qais

⁸⁷⁴ Bekas-bekas ini sangat popular di kalangan orang ramai pada masa itu untuk membuat arak dan nabiz. Penggunaannya popular juga di kalangan puak 'Abdil Qais. Sebabnya ialah air perahan buah-buahan yang diperam di dalamnya lebih cepat menjadi arak. Maka di peringkat permulaan pengharaman arak, Nabi s.a.w. melarang penggunaannya walaupun untuk membuat nabiz semata-mata. Beberapa lama selepas itu, Nabi s.a.w. membenarkan penggunaannya dengan syarat air perahan buah-buahan tidak diperam agak lama di dalamnya sehingga boleh memabukkan. Untuk itu Rasulullah s.a.w. bersabda: *إِنِّي كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنِ الطُّرُوفِ وَإِنْ ظَرَفًا لَا يُجْلُ شَيْئًا وَلَا يُحْرَمُ* Bermaksud: Sesungguhnya aku sebelum ini melarang kamu menggunakan beberapa macam bekas. Sebenarnya bukan bekas yang membuatkan sesuatu halal dan haram. Setiap yang memabukkan adalah haram. (Hadits riwayat at-Tirmizi, Muslim, Abu Daud dan Nasaa'i). Baginda juga bersabda: *كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنِ الْأَوْعِيَةِ فَانْتَبِذُوا فِيمَا بَدَا لَكُمْ وَإِيَّاكُمْ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ* Bermaksud: Sebelum ini aku melarang kamu menggunakan bekas-bekas itu. Buatlah nabiz di dalam mana-mana bekas yang kamu mahu. (Tetapi) Jauhilah segala yang memabukkan. (Hadit riwayat an-Nasaa'i dan at-Thabaraani).

⁸⁷⁵ Bab ini juga diadakan Bukhari untuk menyatakan kelebihan sembahyang. Kelebihan waktu-waktu sembahyang pula dapat difahami daripada ma'na mendirikan sembahyang itu sendiri. Kerana ma'na mendirikan sembahyang ialah menjaga waktu-waktunya selain menjaga ruku', sujud dan khushyu'nya. Al-Qur'an dan as-Sunnah selalu mengingatkan umat Islam supaya menjaga dan memelihara sembahyang dengan sebaik-baiknya. Adakalanya ia disebut sebagai rukun Islam yang paling utama selepas syahadah. Adakalanya pula dengan dipesan secara khusus oleh Rasulullah s.a.w. Sekarang Imam Bukhari memaparkan pula betapa Rasulullah dan para sahabatnya mengambil berat tentang sembahyang. Hadits di bawah bab ini menunjukkan sahabat berbai'ah (berjanji sungguh-sungguh) kepada Rasulullah s.a.w. untuk mendirikan sembahyang. Ini semua jelas menunjukkan betapa lebih dan istimewanya sembahyang itu. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Nabi s.a.w. selalunya selepas mengemaskan tauhid akan berpesan supaya mendirikan sembahyang. Kerana sembahyang adalah kemuncak ibadat badaniyyah (ibadat yang berkaitan dengan tubuh badan). Kemudian berpesan supaya mengeluarkan zakat. Kerana zakat adalah kemuncak ibadat maliyyah (ibadat yang berkaitan dengan harta benda). Selepas itu Beliau s.a.w. akan mengajarkan kepada setiap kumpulan orang yang lebih diperlukan oleh mereka. Nabi s.a.w. berbai'ah dengan Jarir agar ikhlas terhadap setiap orang Islam kerana Jarir adalah ketua kaumnya. Baginda s.a.w. berbai'ah dengan puak 'Abdil Qais agar memberikan khumus kepadanya kerana mereka akan berperang dengan orang-orang kafir Mudhar yang berada di sekeliling mereka.

meriwayatkan kepada kami daripada Jarir bin `Abdillah, beliau berkata: “Aku berbai`ah kepada Rasulullah s.a.w. untuk mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan ikhlas terhadap setiap orang Islam.”⁸⁷⁶

⁸⁷⁶ النصح لكل مسلم . Sesetengah orang menterjemahkannya dengan menasihati setiap orang Islam. Bagi penulis terjemahan itu lebih sempit dpd ma`na sebenarnya. Erti sebenarnya ialah ikhlas hati terhadap atau betul hati dan bersih hati terhadap. Termasuklah dalam ma`na yang luas itu memberi nasihat atau menasihati. Perkataan النصح adalah mashdar bagi perkataan نَصَحَ . Apabila ia muta`addi dengan haraf jar Laam, maka ertinya ialah berlaku ikhlas kepada / terhadap, mahukan kebaikan untuk dan sebagainya. Sebagai contoh lihatlah penggunaannya di dlm firman Allah berikut. Perhatikan juga apa erti sepatutnya:

لَيْسَ عَلَى الضَّعَفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يُنْفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا نَصَحُوا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ ۚ مَا عَلَى الْمُخْسِرِينَ مِنْ سَبِيلٍ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٩١﴾

Bermaksud: orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (at-Taubah:91). Ma`na perkataan ini sebenarnya sama juga dengan ma`na perkataan النصيحة yang banyak tersebut di dlm hadits-hadits rasulullah s.a.w.

86- Bab Sembahyang Itu Adalah Kaffarah (Penghapus Dosa).⁸⁷⁷

⁸⁷⁷ Beginilah tajuk bab ini di dalam kebanyakan nuskah Sahih Bukhari. Tetapi di dalam riwayat al-Mustamli tajuknya ialah باب تكفير الصلاة (Bab sembahyang menghapuskan dosa-dosa). Perkaitan bab ini dengan kelebihan sembahyang ketara sekali kerana ia dapat menghapuskan dosa seseorang. Inilah salah satu kelebihan sembahyang. Menurut sebilangan pensyarah Sahih Bukhari, perkaitan bab ini dengan kelebihan waktu-waktu sembahyang juga ketara, apabila diambil kira sembahyang yang menghapuskan dosa itu adalah sembahyang yang dikerjakan dalam waktunya, bukan di luar waktunya. Justeru sembahyang yang dilakukan seseorang dengan sengaja di luar waktu itu bukan sekadar tidak dapat menjadi penghapus dosa-dosanya, malah ia sebaliknya akan menambahkan dosa-dosanya. Secara sepintas lalu bab ini kelihatan sama dengan bab 88 nanti. Menerusi bab itu juga sembahyang yang menghapuskan dosa itu dikaitkan dengan waktunya. Kelihatan seperti perulangan tajuk yang menyalahi iltizam Imam Bukhari untuk Sahihnya telah berlaku di sini. Antara jawapan yang diberikan oleh para pensyarah Sahih Bukhari untuk merungkai kekusutan itu ialah: (1) Bab 86 ini menyatakan sembahyang secara mutlaq, tidak kira sama ada ia sembahyang lima waktu atau selainnya sebagai penghapus dosa. Bab 88 pula dibuat untuk menyatakan sembahyang lima waktu secara khususnya dapat menghapuskan dosa-dosa sama ada ia dikerjakan dengan berjema'ah atau tidak. (2) Bab 86 ini menyatakan bahawa pada dasarnya sembahyang itu memanglah dapat menghapuskan dosa-dosa. Tetapi manamana sembahyang yang terikat dengan waktu, ia baru akan menghapuskan dosa apabila dikerjakan dalam waktunya. Hakikat inilah yang hendak dikemukakan oleh Imam Bukhari melalui bab 88 nanti. Jawapan (2) ini menyerlahkan kelebihan sembahyang dan waktu-waktu sembahyang kedua-duanya sekali. (3) Dosa-dosa yang dihapuskan oleh sembahyang yang tidak terikat dengan waktu tidak sama tarafnya atau kuantitinya dengan dosa-dosa yang dihapuskan oleh sembahyang yang terikat dengan waktu. Sembahyang yang terikat dengan waktu mungkin dapat menghapuskan setengah-setengah dosa yang tidak dapat dihapuskan oleh sembahyang yang tidak terikat dengan waktu atau mungkin juga ia dapat menghapuskan dosa-dosa dalam jumlah yang lebih banyak. (4) Sembahyang apa pun, semuanya dapat menghapuskan dosa-dosa seseorang. Sembahyang apa pun mesti ada waktunya atau dengan kata lain terikat dengan waktu-waktu. Sekurang-kurangnya ia tidak boleh dikerjakan pada waktu-waktu terlarang seperti selepas 'Ashar, selepas Subuh dan lain-lain. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa sembahyang yang dapat menjadi penghapus dosa itu ialah sembahyang yang tidak dikerjakan pada waktu-waktu terlarang. Ini secara tidak langsung mengisyaratkan kepada kelebihan sembahyang itu sendiri dan juga kelebihan waktu-waktu yang dapat dikerjakan sembahyang padanya. (5) Semua sembahyang dapat menghapuskan dosa, termasuk sembahyang yang dikerjakan di luar waktunya dengan tidak disengajakan. Tetapi kalau sembahyang yang terikat dengan waktu itu dikerjakan pada waktunya, terutamanya pada waktu utama atau waktu afdhalnya, lebih-lebih lagilah ia dapat menghapuskan dosa. Tentu sekalilah dosa-dosa yang dapat dihapuskannya itu bukan sekecil dosa-dosa yang dapat dihapuskan oleh sembahyang-sembahyang lain. Perkataan kaffarah dari segi asal bahasa 'Arabnya bererti sesuatu yang sangat kuat menutupi atau menghapuskan. Ia berpunca daripada perkataan كفر yang bererti menutup, menimbus atau menghapuskan. Untuk menghilangkan kesalahan atau kekotoran, sering kali kita menanggalkannya dengan sesuatu bahan pencuci, penanggal atau pemadam dan sebagainya. Sering kali juga ia ditutupi dengan sesuatu penutup atau ditimbus dengan tanah dan sebagainya. Kedua-dua erti itu terdapat di dalam

٤٩٤ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ الْأَعْمَشِ قَالَ حَدَّثَنِي شَقِيقٌ قَالَ سَمِعْتُ حُذَيْفَةَ قَالَ كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ أَيُّكُمْ يَحْفَظُ قَوْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْفِتْنَةِ قُلْتُ أَنَا كَمَا قَالَ قَالَ إِنَّكَ عَلَيْهِ أَوْ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ قُلْتُ فِتْنَةُ الرَّجُلِ فِي أَهْلِهِ وَمَالِهِ وَوَلَدِهِ وَجَارِهِ تُكْفَرُهَا الصَّلَاةُ وَالصَّوْمُ وَالصَّدَقَةُ وَالْأَمْرُ وَالنَّهْيُ قَالَ لَيْسَ هَذَا أُرِيدُ وَلَكِنَّ الْفِتْنَةَ الَّتِي تَمُوجُ كَمَا يَمُوجُ الْبَحْرُ قَالَ لَيْسَ عَلَيْكَ مِنْهَا بَأْسٌ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ إِنَّ بَيْنَكَ وَبَيْنَهَا بَابٌ مُغْلَقٌ قَالَ أَيُّكُمْ أَمْ يُفْتَحُ قَالَ يُكْسَرُ قَالَ إِذَا لَا يُغْلَقُ أَبَدًا قُلْنَا أَكَانَ عُمَرُ يَعْلَمُ الْبَابَ قَالَ نَعَمْ كَمَا أَنَّ دُونَ الْغَدِ اللَّيْلَةُ إِنِّي حَدَّثْتُهِ بِحَدِيثٍ لَيْسَ بِالْأَعْلَاطِ فَهَبْنَا أَنْ نَسْأَلَ حُذَيْفَةَ فَأَمَرَنَا مَسْرُوقًا فَسَأَلَهُ فَقَالَ الْبَابُ عُمَرُ

494- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qaththaan) meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy, katanya: Syaqiq (bin Salamah Abu Waa'il al-Asadi al-Kufi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Saya mendengar Huzaifah bercerita, katanya: "Pernah kami duduk dekat 'Umar r.a., lalu beliau bertanya: "Siapakah di antara kamu ingat sabda Rasulullah s.a.w. tentang fitnah?"⁸⁷⁸ Aku menjawab: "Saya, (ingat) sebagaimana yang telah disabdakan oleh Baginda. 'Umar berkata: "Sesungguhnya engkau memang berani dengan Baginda".⁸⁷⁹ Aku berkata: "Fitnah (dosa kerana kecuaiannya) seseorang pada isterinya, hartanya, anaknya dan jirannya⁸⁸⁰ boleh dihapuskan

perkataan Kaffaarah. Dalam istilah syara' ia bererti sesuatu (amalan) yang menghapuskan dosa-dosa tertentu atau sesuatu yang merupakan penebus dosa tertentu yang dilakukan seseorang. Kaffaarah adalah sesuatu yang khusus dengan orang-orang Islam sahaja, ia tidak melibatkan orang-orang kafir sama sekali.

⁸⁷⁸ Perkataan فتنه mengandungi banyak erti. Antaranya ialah: (1) Dugaan, cubaan, ujian. (2) Fitnah. (3) Siksaan, azab. (4) Kesesatan. (5) Dosa. (6) Kekufuran. (7) Perkara yang mamalukan. (8) Penyakit. (9) Gila. (10) Usaha. (11) Kesusahan, kesukaran. (12) Pengajaran, i'tibar. (13) Harta, harta benda. (14) Anak-anak, anak pinak. (15) Kekacauan, kerusuhan. (16) Dosa kerana kecuaiannya. (17) Keadaan terpesona dan tergoda dengan sesuatu. (18) Pemesongan, penyelewengan. (19) Keraguan dan kekusutan fikiran dan lain-lain. Ma'na asalnya ialah cubaan, ujian dan dugaan. Ma'na ini boleh dikatakan pasti ada pada setiap erti-ertinya yang lain.

⁸⁷⁹ Ini adalah terjemahan kata-kata 'Umar إِنَّكَ عَلَيْهِ لَجْرِيءٌ. Di dalam riwayat di atas kata-kata 'Umar itu dinukilkan dengan syak begini: إِنَّكَ عَلَيْهِ أَوْ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ. Perawi yang syak tentang kata-kata 'Umar itu boleh jadi Huzaifah sendiri atau perawi-perawi lain di bawahnya. Kalau diandaikan 'Umar sebenarnya telah berkata: إِنَّكَ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ, maka dhamir ها seharusnya dikembalikan kepada perkataan فتنه atau مقالة الرسول في الفتنه. Maksudnya ialah engkau memang pun berani bertanya Rasulullah s.a.w. tentang fitnah.

⁸⁸⁰ Fitnah atau ujian yang dihadapi seseorang pada isterinya mungkin berupa kasih sayang yang berlebihan terhadapnya, terlalu leka dengannya sehingga terlupa melakukan kebaikan dan kebajikan terhadap orang-orang lain, kecuaiannya dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik, mengajar dan memberikan hak-hak mereka yang lain. Kata Ibnu Batthaal, ia mungkin juga berupa kekasaran dalam ucapan dan tindakan terhadapnya, tetapi tidaklah sampai ke peringkat dosa besar. Al-Muhallab pula berpendapat, ia mungkin berupa penderitaan dan kesedihan yang ditanggung seseorang bersama isterinya. Fitnah atau ujian terhadap seseorang pada hartanya ialah mungkin berkait dengan punca pencariannya atau tempat membelanjakannya. Mungkin juga

(dikaffarahkan) oleh sembahyang, puasa, sedekah, menyuruh (orang melakukan) perkara yang baik dan melarang (mereka) daripada melakukan kemungkaran (perkara yang tidak baik).”⁸⁸¹ ‘Umar berkata: “Bukan (fitnah) ini yang aku maksudkan, tetapi fitnah

kerana kecuaiannya dalam melaksanakan hak-hak orang lain pada hartanya itu, lalu panjanglah perhitungannya di akhirat nanti. Fitnah atau ujian Allah terhadap seseorang pada anaknya mungkin dengan terlajak menyayangnya, leka dengannya sehingga tidak sempat melakukan kerja-kerja kebaikan yang lain, terlalu sibuk mencari rezeki untuk kesenangan dan kemewahan anaknya, tanpa mengambil kira halal haram lagi. Fitnah atau ujian terhadap seseorang pada jirannya pula mungkin kerana tidak sabar menghadapinya atau timbul rasa dengki terhadapnya jika ia seorang yang senang. Mungkin juga kerana kecuaiannya dalam menjaga hak-haknya. Menurut Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, fitnah atau ujian terhadap seseorang pada isteri, anak, harta dan jiran itu tidak harus dikategorikan semuanya sebagai dosa kecil yang dapat dihapuskan oleh sembahyang, puasa, sedekah, haji dan lain-lain. Sebahagian daripadanya jelas merupakan dosa besar, kerana ia melibatkan hak-hak mereka yang wajib ditunaikan. Ibnu Taimiyyah malah mengatakan, orang yang percaya bahawa ibadat haji dapat menggugurkan kewajipan bersembahyang, berzakat dan hak-hak orang yang ditanggungnya, perlu diminta bertaubat. Orang seperti ini harus dihukum bunuh sekiranya ia tidak mahu bertaubat. Sebahagian daripada yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai fitnah di dalam hadits ini di sebutkan juga oleh Allah di dalam al-Qur’an sebagai fitnah, sama ada secara tepat atau secara umum. Maka bertambah kuatlah hadits ini dengan adanya sokongan berupa ayat-ayat al-Qur’an. Antaranya ialah ayat-ayat berikut:

(1)

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar. (At-Taghaabun:15).

(2)

وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۚ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

Bermaksud: dan Kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian yang lain, supaya ternyata; Adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu)? dan (ingatlah) sesungguhnya Tuhanmu sentiasa melihat (akan keadaan makhluk-makhlukNya). (al-Furqaan: 20).

⁸⁸¹ Sembahyang dan lain-lain perkara yang tersebut selepasnya di dalam hadits di atas dapat menghapuskan fitnah atau dosa kerana kecuaiannya seseorang terhadap isteri, harta, anak dan jirannya. Kebanyakan ‘ulama’ mengatakan, semua perkara yang tersebut itu hanya dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja dengan syarat dosa-dosa besar di jauhi. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa fitnah atau ujian terhadap seseorang pada isteri, harta, anak dan jirannya pada umumnya merupakan dosa-dosa kecil. Antara dalil yang menunjukkan kebenaran syarat ini ialah firman Allah dan sabda Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُهَوَّنُ عَنْهُ تُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلَكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Bermaksud: jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan hapuskan kesalahan-kesalahan (dosa-dosa kecil) kamu dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga). (an-Nisaa’:31).

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبْتَ الْكَبَائِرَ Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sembahyang (fardhu) lima waktu, sembahyang Juma’at hingga ke Jum’at berikutnya, berpuasa di bulan Ramadhan hingga ke bulan Ramadhan berikutnya menghapuskan dosa-dosa (yang dilakukan) di antaranya, jika dosa-dosa

(kekacauan dan kerusuhan) yang bergelora bagaikan gelora lautan.”⁸⁸² (Kata perawi) Huzaifah berkata: “Engkau tidak perlu risau dengannya wahai Amir al Mu’minin.

besar dijauhi. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Tirmizi dan Baihaqi). As-Sindi menimbulkan persoalan di sini. Kata beliau: “Mengikut apa yang difahami kebanyakan para ‘ulama’, perkara-perkara yang tersebut di dalam hadits di atas itu tiap-tiap satu daripadanya menghapuskan dosa-dosa kecil. Persoalan yang timbul ialah kalau sembahyang telah menghapuskan dosa-dosa, maka apa pula yang akan dihapuskan oleh puasa dan lain-lain? Bagi saya, maksud Nabi s.a.w. sebenarnya ialah menyatakan kelebihan tiap-tiap satu daripada amalan tersebut. Tiap-tiap satu daripadanya dapat menghapuskan kesemua dosa kecil jika ia ada. Baginda s.a.w. sama sekali tidak memaksudkan dengan sabdanya itu kemestian adanya penghapusan dosa. Para nabi a.s. yang ma’shum (terpelihara) daripada segala dosa, baik kecil mahupun besar misalnya, sudah tentu amalan-amalan tersebut tidak akan menghapuskan dosa-dosa kecil mereka kerana mereka sememangnya tidak ada melakukan dosa.” Kata Hafiz Ibnu Hajar, sesetengah ‘ulama’ berpendapat, setiap satu daripada amalan yang disebutkan di dalam hadits di atas mungkin hanya dapat menghapuskan jenis-jenis tertentu sahaja daripada fitnah yang disebutkan di dalamnya. Sembahyang misalnya hanya menghapuskan fitnah atau dosa kerana kecuaiannya seseorang pada isterinya. Puasa pula misalnya hanya menghapuskan fitnah atau dosa kerana kecuaiannya terhadap anaknya. Dan begitulah seterusnya. Adapun rahsia di sebalik lima jenis amalan kebajikan disebutkan di dalam hadits di atas sebagai kaffaarah ialah kerana ia sama ada berkait dengan tubuh badan, harta benda atau ucapan dan ungkapan seseorang manusia. Dengan menyebutkan sembahyang dan puasa, Nabi s.a.w. sebenarnya bermaksud mengisyratkan kepada dua jenis kebajikan paling istimewa dan agak membebankan yang berkaitan dengan tubuh badan manusia. Dengan menyebutkan sedekah Baginda s.a.w. hendak mengisyratkan kepada kebajikan berupa harta benda yang paling istimewa. Dan dengan menyebutkan perbuatan menyuruh (orang melakukan) perkara yang baik dan melarang (mereka) daripada melakukan kemungkaran (perkara yang tidak baik) pula Imam Bukhari bermaksud mengisyratkan kepada sebahagian daripada amalan berupa ucapan dan ungkapan yang paling istimewa. Pada hakikatnya amalan kebajikan yang dapat menghapuskan dosa-dosa itu tidak terhad setakat lima yang tersebut di dalam hadits ini semata-mata, malah semua amalan kebajikan. Tidak kira sama ada ia berupa ucapan, berkait dengan tubuh badan, berkait dengan harta benda atau selainnya.

⁸⁸² Menurut Hafiz Ibnu Rajab, berdasarkan hadits ini fitnah itu dapat dibahagikan kepada dua bahagian. (a) Fitnah Khasshah, iaitu fitnah yang menimpa seseorang secara peribadi atau fitnah kecil. (b) Fitnah ‘Aammah, iaitu fitnah umum yang menimpa masyarakat dalam jumlah yang besar atau dengan kata lain fitnah besar. Apa yang tersebut sebelum ini adalah berkenaan dengan fitnah kecil. Ibnu Rajab menambahkan penjelasannya tentang fitnah kecil dan kaffaarahnya dengan mengemukakan satu hadits yang dikemukakan oleh Baqi bin Makhlad, bahawa ada seorang laki-laki bertanya Rasulullah s.a.w., katanya: مَا الْإِيمَانُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ سَأَلَهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ أَتُحِبُّ أَنْ أَخْبِرَكَ مَا صَرِيحُ الْإِيمَانِ قَالَ ذَلِكَ أَزِدْتُ قَالَ إِنْ صَرِيحُ الْإِيمَانِ إِذَا أَسَأْتَ أَوْ ظَلَمْتَ سَأَلَهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ سَأَلَهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ أَتُحِبُّ أَنْ أَخْبِرَكَ مَا صَرِيحُ الْإِيمَانِ قَالَ ذَلِكَ أَزِدْتُ قَالَ إِنْ صَرِيحُ الْإِيمَانِ إِذَا أَسَأْتَ أَوْ ظَلَمْتَ سَأَلَهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ سَأَلَهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ أَتُحِبُّ أَنْ أَخْبِرَكَ مَا صَرِيحُ الْإِيمَانِ قَالَ ذَلِكَ أَزِدْتُ قَالَ إِنْ صَرِيحُ الْإِيمَانِ إِذَا أَسَأْتَ أَوْ ظَلَمْتَ Sَأَلَهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ سَأَلَهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ أَتُحِبُّ أَنْ أَخْبِرَكَ مَا صَرِيحُ الْإِيمَانِ قَالَ ذَلِكَ أَزِدْتُ قَالَ إِنْ صَرِيحُ الْإِيمَانِ إِذَا أَسَأْتَ أَوْ ظَلَمْتَ استبشرت Bermaksud: “Apakah itu iman wahai Rasulullah?” Jawab nabi: “Engkau percaya kepada Allah dan rasulNya.” Orang itu mengulangi soalan yang sama sebanyak tiga kali. Lalu setelah memberikan jawapan yang sama, Rasulullah s.a.w. bertanya dia. “Apakah kamu bermaksud hendak bertanyakan tentang (tanda) iman yang terang?” Jawab orang itu: “Itulah yang saya maksudkan.” (Maka) Baginda s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya (tanda) iman yang terang ialah apabila engkau melakukan sesuatu perkara yang tidak baik atau menzalimi sesiapa, sama ada hamba lelakimu atau hamba perempuanmu atau mana-mana orang Islam yang lain, engkau bersedekah atau berpuasa. Apabila engkau melakukan sesuatu kebaikan pula, engkau berasa suka hati.” (Selain Baqi bin Makhlad, hadits ini